



PARLIMEN MALAYSIA



RANG UNDANG-UNDANG
Lalulintas Jalan (Pindaan) 1983
DR.29/1983

Naskhah Sahih—Bahasa Inggeris

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta untuk meminda Ordinan Lalulintas Jalan 1958.

[

]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Lalulintas Jalan (Pindaan) 1983.

Tajuk
ringkas
dan mula
berkuat-
kuasa.

(2) Akta ini hendaklah mula berkuatkuasa pada suatu tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

2. Seksyen 2 Ordinan Lalulintas Jalan 1958, yang disebut "Ordinan" dalam Akta ini, adalah dipinda dengan menggantikan tafsiran "Minister" dengan tafsiran yang berikut:

Pindaan
seksyen 2.
49/58.

"Minister" means the Minister charged with the responsibility for transport and, in matters relating to the licensing of commercial vehicles, the Minister charged with the responsibility for such matters."

3. Seksyen 100 Ordinan adalah dipinda dengan memasukkan selepas subseksyen (8) subseksyen yang berikut:

Pindaan
seksyen 100.

"(9) An application for a licence under subsection (1) shall be made to the Licensing Board in the prescribed manner."

4. Ordinan adalah dipinda dengan memotong seksyen 113 dan 117.

Pindaan
seksyen
113 dan 117.

Pindaan
seksyen
118.

5. Seksyen 118 Ordinan adalah dipinda—

(a) dalam subseksyen (1), dengan menggantikan perkataan-perkataan “to which subsection (1) (a), (b), (c) and (d) of section 113 applies” dengan perkataan-perkataan “under this Part of this Ordinance”;

(b) dengan memotong subseksyen (2);

(c) dalam subseksyen (3), dengan memotong perkataan-perkataan “, subject to the provisions of the last preceding subsection,”.

Pindaan
seksyen
118A.

6. Seksyen 118A Ordinan adalah dipinda dengan memotong subseksyen (2).

Pindaan
seksyen
118B.

7. Seksyen 118B Ordinan adalah dipinda dengan memotong perenggan (b) subseksyen (2).

Pindaan
seksyen 119.

8. Seksyen 119 Ordinan adalah dipinda dengan memotong perkataan-perkataan “with respect to the matters to which it is required to have regard under section 118 of this Ordinance”.

Pindaan
seksyen 123.

9. Ordinan adalah dipinda dengan memotong seksyen 123.

Pindaan
seksyen 129.

10. Seksyen 129 Ordinan adalah dipinda dengan mengantikannya dengan seksyen yang berikut:

“Appeal. 129. Any person who—

(a) being an applicant for the grant of a licence under this Part of this Ordinance, is aggrieved by the decision of the Licensing Board on the application, or by any condition attached by the Licensing Board for a licence granted by it; or

(b) being the holder of a licence granted under this Part of this Ordinance, is aggrieved by the revocation of such licence,

may within 30 days of the decision of the Licensing Board appeal in writing to the Minister against such decision setting out the grounds of appeal.”.

11. Seksyen 130 Ordinan adalah dipinda dengan meng-gantikannya dengan seksyen yang berikut :

Pindaan
seksyen 130.

“Minister’s
power to
appoint
committee.

130. (1) The Minister may, where he deems it fit to do so, appoint a committee of two or more persons to consider an appeal under section 129 and to make to the Minister its recommendations with regard to the appeal.

(2) The Minister shall give such consideration as he deems fit to the recommendations under subsection (1) in arriving at his decision on the appeal.”.

12. Seksyen 131 Ordinan adalah dipinda dengan meng-gantikannya dengan seksyen yang berikut :

Pindaan
seksyen 131.

“Minister’s
decision
on appeal.

131. (1) In giving his decision on an appeal under section 129 the Minister may confirm, reverse or vary the decision of the Licensing Board.

(2) The decision of the Minister on the appeal shall be arrived at on the basis of the documents relating to the appeal and there shall be no oral hearing of the appeal.

(3) The decision of the Minister under this section shall be binding on the Licensing Board and all parties to the appeal and shall be final and conclusive.”.

13. Perenggan (b) seksyen 135 Ordinan adalah dipinda dengan memotong perkataan “representation”.

Pindaan
seksyen 135.

14. Seksyen 137 Ordinan adalah dipinda—

Pindaan
seksyen 137.

(a) dalam perenggan (a) subseksyen (1), dengan memotong perkataan-perkataan “, or in relation to representation against any such application,”;

(b) dalam subseksyen (2), dengan memotong perkataan “representation” di mana jua ianya terdapat.

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Ordinan Lalulintas Jalan 1958.

2. *Fasal 1* adalah berkenaan dengan tajuk ringkas dan bertujuan membenarkan Menteri menetapkan tarikh mula berkuatkuasanya Rang Undang-Undang ini.

3. *Fasal 2* bertujuan mengadakan suatu tafsiran baharu bagi perkataan "Minister" supaya kedudukan Menteri yang bertanggungjawab mengenai pelesenan kenderaan perdagangan di bawah Ordinan adalah jelas.

4. *Fasal 3* bertujuan meminda seksyen 100 Ordinan dengan memasukkan satu subseksyen (9) yang baru bagi mengadakan peruntukan mengenai permohonan lesen pengangkut supaya dibuat kepada Lembaga Pelesen mengikut cara yang ditetapkan.

5. *Fasal 4* bertujuan meminda seksyen 113 Ordinan untuk menghapuskan peruntukan-peruntukan berhubungan dengan prosedur mengenai permohonan mendapatkan lesen di bawah Bahagian V Ordinan. Ia juga bertujuan memotong seksyen 117 yang menyentuh perkara mengenai siasatan awam berhubungan dengan permohonan untuk mendapatkan lesen di bawah Bahagian V Ordinan. Pemotongan seksyen 117 ialah pindaan berbangkit memandangkan pindaan yang dibuat kepada seksyen 113.

6. *Fasal 5* bertujuan memotong subseksyen (2) seksyen 118 untuk membolehkan Lembaga Pelesen lebih fleksibel lagi semasa membuat keputusannya mengenai sesuatu permohonan untuk mendapatkan lesen di bawah Bahagian V Ordinan.

7. *Fasal 9* bertujuan memotong seksyen 123 Ordinan untuk menghapuskan peruntukan-peruntukan berhubungan dengan cadangan yang dibuat oleh Lembaga Pelesen.

8. *Fasal 10* bertujuan mengadakan satu seksyen 129 yang baru dengan membuat peruntukan mengenai prosedur berhubungan dengan rayuan di bawah Bahagian V Ordinan.

9. *Fasal 11* bertujuan mengadakan satu seksyen 130 yang baru untuk membolehkan Menteri melantik jawatankuasa-jawatankuasa bagi menimbang sesuatu rayuan yang dibuat di bawah Bahagian V Ordinan dan membuat syor-syor kepada Menteri berkenaan dengan rayuan itu.

10. *Fasal 12* bertujuan mengadakan satu seksyen 131 yang baru yang menyentuh tentang kuasa Menteri untuk memutuskan sesuatu rayuan yang dibuat di bawah Bahagian V Ordinan.

11. Pindaan-pindaan yang lain itu adalah pindaan-pindaan yang kecil dan berbangkit sahaja.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan.

[PN. (U²) 1215; PN. (SBKA) 34.]